KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 4 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KPWKM KOMITED BANTU KELUARGA JURURAWAT** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70324-kpwkm-komited-bantu-keluarga-jururawat | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/10/03/beri-penjagaan-terbaik-kepada-anak-jururawat-ditikam/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **188,102 SURI RUMAH MENCARUM SKSSR PERKESO - MUSTAPHA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/188102-suri-rumah-mencarum-skssr-perkeso-mustapha-440090 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/03/deputy-hr-minister-says-over-188000-housewives-nationwide-have-contribute-to-socsos-scheme/94174 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/mustapha-188102-housewives-contribute-to-socso-s-skssr-EC11570756 | THESUNDAILY.MY |
| | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2231146 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2231140 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/03/188102-suri-rumah-mencarum-skssr-perkeso-mustapha | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **ANDI PANDANG SERIUS KES BERKAITAN KANAK-KANAK SANGAT TINGGI DI TAWAU** | |
| | https://wartaoriental.com/2023/10/03/andi-pandang-serius-kes-berkaitan-kanak-kanak-sangat-tinggi-di-tawau/ | WARTAORIENTAL.COM |

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **UNICEF, MASW HARAP RANG UNDANG-UNDANG PKS SEGERA DIBENTANG DI PARLIMEN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/unicef-masw-harap-rang-undangundang-pks-segera-dibentang-di-parlimen-440152 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/465001 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://selangorjournal.my/2023/10/unicef-masw-urge-malaysia-to-hasten-social-work-profession-bill/ | SELANGORJOURNAL.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **RM3.45 JUTA DIPERUNTUKKAN HADAPI BANJIR DI TERENGGANU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282262/edisi/terengganu/rm345-juta-diperuntukkan-hadapi-banjir-di-terengganu | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1160133/terengganu-peruntuk-rm345j-hadapi-musim-tengkujuh | BHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70306-rm3-45-juta-persiapan-hadapi-tengkujuh-di-terengganu | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015930/peruntukan-rm345-juta-hadapi-banjir-di-terengganu | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **RAMAI PELANCONG WANITA MUSLIM BERPAKAIAN SEKSI DI TERENGGANU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/03/ramai-pelancong-wanita-muslim-berpakaian-seksi-di-terengganu/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1160243/saya-saksikan-sendiri-pelancong-wanita-muslim-pakai-seluar-pendek | BHARIAN.COM.MY |

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PELARI BAHRAIN SALAH LORONG, KUARTET WANITA NEGARA DAPAT GANGSA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1016147/pelari-bahrain-salah-lorong-kuartet-wanita-negara-dapat-gangsa | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/03/kuartet-4x100m-wanita-negara-tiga-terbaik-asia/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282315/berita/sukan/rezeki-kuartet-4x100-wanita-raih-gangsa-di-hangzhou | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/kuartet-4x100m-wanita-raih-gangsa/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/olahraga/2023/10/1160379/kuartet-4x100-wanita-negara-ke-4-terbaik-asia | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **JURUGAMBAR WANITA RUGI RM18,800 DITIPU KEKASIH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282246/berita/semasa/jurugambar-wanita-rugi-rm18800-ditipu-kekasih | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **POLIS TAHAN JUTAWAN PALSU PERDAYA WANITA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-jutawan-palsu-perdaya-wanita-440122 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1160333/polis-tahan-jutawan-palsu-perdaya-wanita | BHARIAN.COM.MY |

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BEATRICE PECAH REKOD KATEGORI WANITA KLSCM 2023** | |
| | https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/beatrice-pecah-rekod-kategori-wanita-klscm-2023/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MABA HADIAH KONDOMINIUM KEPADA PASUKAN WANITA** | |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/10/1160315/maba-hadiah-kondominium-kepada-pasukan-wanita | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **KANAK-KANAK JATUH SUNGAI CUBA SELAMATKAN ADIK DITEMUKAN LEMAS** | |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/10/mayat-kanak-kanak-jatuh-sungai-cuba-selamatkan-adik-ditemukan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **'JANGAN TERLALU CEPAT MENGANDUNG SEMULA'** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1160026/jangan-terlalu-cepat-mengandung-semula | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **DUA BERADIK DIDERA IBU KANDUNG, TEMAN LELAKI DI MUAR** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beradik-didera-ibu-kandung-teman-lelaki-di-muar-440114 | ASTROAWANI.COM |

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **UMS TO UPGRADE INFRASTRUCTURE FOR STUDENTS WITH DISABILITIES** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/10/03/ums-to-upgrade-infrastructure-for-students-with-disabilities/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **EMPAT SEKELUARGA DILAPOR HILANG SUDAH PULANG KE KLUANG** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1160237/empat-sekeluarga-dilapor-hilang-sudah-pulang-ke-kluang | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1016018/kes-selesai-empat-hilang-sudah-pulang | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PARAPLEGIC MALAYSIANS LEARN TO DANCE IN WHEELCHAIRS** | |
| | https://www.thestar.com.my/lifestyle/living/2023/10/03/malaysian-paraplegic-woman-learns-to-dance-in-her-wheelchair | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **[VIDEO] PURA-PURA PINJAM SEBELUM LARIKAN MOTOSIKAL WARGA EMAS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/03/video-pura-pura-pinjam-sebelum-larikan-motosikal-warga-emas/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/03/lelaki-larikan-motosikal-warga-emas-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

4/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **ANIMASI DIDIK KANAK-KANAK DALAMI ISLAM** | |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/10/1160265/animasi-didik-kanak-kanak-dalami-islam | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'PASTIKAN PELAWAT MUSLIM TUTUP AURAT' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 'Pastikan pelawat Muslim tutup aurat'

## ADUN gesa kerajaan negeri proaktif perkasa Garis Panduan Pelancongan

**Kuala Terengganu:** Kerajaan Terengganu digesa mengambil langkah lebih agresif dalam memperkasakan Garis Panduan Pelancongan, terutama membabitkan pelancong Muslim.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ladang, Zuraida Md Noor, berkata ia susulan berlaku pelanggaran etika berpakaian membabitkan pelancong wanita Muslim yang dilihat mencolok mata seperti berseluar pendek, bersinglet dan tidak bertudung ketika berada di tempat awam.

Beliau berkata, ia jelas melanggar Garis Panduan Pelancongan yang dilancarkan bersama Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan dan Sukan sebelum ini, yang menetapkan pelancong wanita Muslim hendaklah berpakaian menutup aurat.

"Saya menyaksikan sendiri pelancong wanita Muslim tanpa segan silu memakai seluar pendek, bersinglet serta tidak bertudung. Malah, semakin ramai berani memakai pakaian mencolok mata bersiar-siar di tempat pelancongan kita.

"Di sini, terdapat dua kemungkinan sama ada masih ramai yang tidak tahu mengenai garis panduan yang dikeluarkan kerajaan negeri atau mereka tahu, tetapi semakin berani untuk tidak patuh akibat tiada penguatkuasaan," katanya pada sesi perbahasan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, di sini, semalam.



*Zuraida Md Noor*

### Agenda dakwah

Sehubungan itu, Zuraida menggesa pemantauan syariah dilaksanakan di seluruh negeri, termasuk di hotel, pulau, pusat peranginan, pusat hiburan dan pawagam.

Beliau menekankan, usaha itu termasuk dalam agenda dakwah Islamiah dan komitmen kerajaan negeri dalam menuju ke arah Terengganu yang maju, berkat serta sejahtera.

"Bahkan, industri pelancongan Terengganu juga telah mendapat pengiktirafan sebagai Destinasi Mesra Muslim melalui Anugerah Standard Kualiti Islam (IQS) serta Universal Crescent Standard Center (UCSC).

"Ia pemangkin untuk memperlihatkan Terengganu sebagai koridor pelancongan Islam antarabangsa dan hab destinasi Islam global," katanya. BERNAMA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU PALING RAMAI TERJERAT 'SCAMMER' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Kamarul Zaman beramah mesra dengan warga pendidik pada Program Town Hall: Ancaman Scammer Masa Kini di Johor Bahru, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Guru paling ramai terjerat 'scammer'

## 117 kes babit pendidik di Johor dengan kerugian lebih RM4.24 juta

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Guru direkodkan sebagai penjawat awam paling ramai di Johor menjadi mangsa skim penipuan termasuk dalam talian seperti Macau Scam, Love Scam dan Parcel Scam.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata berdasarkan statistik sembilan bulan pertama tahun ini, 117 kes penipuan babitkan guru dengan kerugian lebih RM4.24 juta.

"Siasatan mendapati di Johor ada lebih 50,000 guru, jadi mungkin itulah salah satu faktor kenapa ramai guru (jadi mangsa) di negeri ini.

"Kumpulan scammer tak pilih mangsa, tetapi mungkin kerana ramai komuniti guru di sini jadi itulah yang menyebabkan mereka menjadi mangsa.

"Sebab itu kita ambil peluang ini menjemput guru untuk hadir sesi *town hall* supaya dapat bantu beri penerangan dan mendidik mereka bagi mengelak daripada menjadi mangsa," katanya.

### Jumlah meningkat

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Program Town Hall: Ancaman Scammer Masa Kini di Wisma Bank Simpanan Nasional (BSN) di sini, yang dihadiri 250 guru semalam.

Kamarul Zaman berkata, sepanjang tempoh sama juga Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Johor menerima 388 laporan kes penipuan membabitkan penjawat awam.

"Jumlah itu meningkat berbanding 322 kes tempoh sama tahun lalu dengan nilai kerugian lebih RM10.02 juta setakat ini," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEWARAKAN SAYYIDAH NAFISAH JADI INSPIRASI WANITA TINGKAT KEILMUAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kewarakan Sayyidah Nafisah jadi inspirasi wanita tingkat keilmuan



Pensyarah Kanan Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Dr Suhailiza Md Hamdani
bhagama@bh.com.my

**Sejarah** Islam merakamkan beberapa kisah teladan ahli sufi wanita mendapat kemuliaan Allah SWT. Pengalaman kerohanian dijalani dengan latihan (riadah) dan kesungguhan (mujahadah) untuk membersihkan hati, meningkatkan iman serta mendalami aspek spiritual dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT hingga segala perhatiannya hanya kepada-Nya menjadi tujuan asas dalam tasawuf.

Skop perbincangan mengenai ahli sufi wanita perlu diperhebatkan agar dapat menjadi inspirasi dan motivasi kepada wanita dalam pengembangan kerohanian serta pencarian kedekatan dengan Allah SWT.

Seorang daripada tokoh sufi wanita daripada keturunan Rasulullah SAW adalah Sayyidah Nafisah Hasan. Beliau sebagai ahli sufi yang turut berperanan dalam masyarakat sebagai pembimbing, guru dan penasihat, tidak dapat disangkal lagi serta perlu didedahkan kepada masyarakat khususnya wanita.

Nama dan nasab beliau ialah Nafisah binti Hasan al-Anwar bin Zaid bin al-Hasan bin Ali bin Abi Thalib berdasarkan kitab karangan al-Dhahabi dan Nujala'. Beliau ialah cicit kepada Sayidina Hasan, iaitu putera Sayidatina Fatimah, puteri Rasulullah SAW.

Ayahandanya, Sayyid Hasan al-Anwar dan diberi gelaran 'al-Anwar' iaitu yang bercahaya kerana keadaan mukanya kelihatan bercahaya kesan daripada kuat ibadat yang ikhlas kepada Allah SWT. Beliau dilantik Khalifah Jaafar al-Mansur sebagai Gabenor Madinah al-Munawarah pada 150 Hijrah.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Ishaq al-Mu'tamin bin Ja'far Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin al-Husain bin Ali bin Abi Thalib pada Rejab 161 H. Daripada perkahwinan ini, lahir putera dan puteri, iaitu al-Qasim dan Ummu Kalthum.

Ishaq al-Mu'tamin bin Ja'far Sadiq pula dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai seorang alim, faqih, soleh dan warak serta tinggi ilmu dalam periwayatan hadis. Perkahwinan antara Sayyidah Nafisah dan Sayyid Ishaq menjadi rahmat penyatuan serta persaudaraan keturunan Sayidina Hasan dan Sayidina Husin.

Sejak muda, Sayyidah Nafisah sering berada dalam majlis ilmu yang diadakan bapanya. Beliau dianugerahkan fikiran cerdas dan khatam al-Quran sejak usia tujuh tahun serta memahami fiqh secara mendalam.

Beliau menguasai pelbagai bidang keilmuan mulai ilmu al-Quran, fiqh dan hadis. Diceritakan juga beliau pernah menghadiri majlis ilmu Imam Malik Anas dan turut menghafal kitab *al-Muwatto'*.

## Dihormati, disegani masyarakat

Lantaran ketokohan dan ketinggian ilmunya, Sayyidah Nafisah sangat dihormati dan disegani segenap ahli masyarakat. Penguasaan ilmu pengetahuan, kefasihan berbicara dan khusyuk dalam beribadah membuat beliau kerap menjadi rujukan penduduk Madinah dalam hal agama.

Beliau mendapat gelaran antaranya, Nafisat Ilmu Wal Ma'rifat, Nafisat Thahira, Nafisat al-A'bida (Nafisah Ahli Ibadah), Nafisat al-Darayn, Sayyidat al-Karamah, Sayyidat ahlul Fatwa dan Umm al-Awaajiz.

Ketika menetap di Mesir, kediamannya sering dibanjiri orang awam dan ulama dalam kalangan fuqaha, ahli hadis dan mufassirin serta ulama tasawuf sezaman dengannya. Imam Shafie juga sering menuntut ilmu daripada Sayyidah Nafisah walaupun beliau ulama besar usul fiqh dan fiqh.

Selama berada di Mesir, Imam Shafie menuntut ilmu hadis daripada Sayyidah Nafisah. Ash-Sha'rawi menyatakan pada Ramadan, Imam Shafie biasanya memimpin solat Tarawih di masjid tempat Sayyidah Nafisah sentiasa menjadi sebahagian jemaah solat berkenaan. Sayyidah Nafisah dan Imam Shafie sering bekerjasama mengelola majlis ilmu bersama-sama.

Suatu ketika Imam Shafie sakit, lalu beliau mengutus sahabat menemui Sayyidah Nafisah agar mendoakan kesembuhannya. Selepas utusan beliau kembali, Imam Shafie sudah pun sembuh. Selang beberapa waktu kemudian, Imam Shafie sakit tenat dan mengutus sahabat lagi untuk meminta doa kesembuhannya.

Sayyidah Nafisah hanya berkata: "Semoga Allah memberinya kegembiraan ketika berjumpa dengan-Nya."

Mendengar hal itu, Imam Shafie segera faham usianya tidak akan lama lagi dan berwasiat pada murid utamanya, al-Buwaithi, meminta agar Sayyidah Nafisah menunaikan solat jenazahnya kelak ketika wafat.

Ketika Imam Shafie wafat pada Jumaat akhir Rejab 204H sesuai wasiatnya, jenazahnya dibawa ke rumah Sayyidah Nafisah agar beliau boleh menunaikan solat jenazah ke atasnya dan mendoakannya.

Ini disebabkan keadaan Sayyidah Nafisah sudah lemah hingga solat diadakan di tempat itu untuk kemudahannya. Peristiwa ini menunjukkan betapa mulia kedudukan Sayyidah Nafisah hingga mendapat penghormatan daripada ulama.

Ketokohan beliau dihormati sehingga pernah suatu ketika, penduduk di sana mengadu kepadanya mengenai kezaliman pemimpin ketika itu, iaitu al-Khasib bin A'mru. Kemudian Sayyidah Nafisah menegur dengan mengutus surat kepada beliau.

Ketokohan dan peranan Sayyidah Nafisah dalam masyarakat mampu menjadi inspirasi kepada wanita khususnya dalam meningkatkan kualiti intelektual dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada masyarakat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'HATI SAYA SEDIH MELIHAT RUI HAN' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Hati saya sedih melihat Rui Han'

## *Tulang belakang remaja 13 tahun semakin membengkok hingga 56 darjah*

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Lee Rui Han tidak berpeluang merasai keseronokan alam remaja seperti rakan seusia apabila diuji dengan penyakit tulang belakang, scoliosis dan hydrocephalus iaitu lebihan cecair dalam kepala sejak lahir.

Rui Han, 13, juga tidak berdaya untuk berjalan dan perlu menggunakan kerusi roda, malah tulang belakangnya semakin membengkok sehingga 56 darjah yang turut dikhuatiri boleh mengganggu pernafasannya.

Keadaan pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sebuah sekolah menengah di Serendah, Selangor itu membuatkan dia memerlukan alat sokongan pendakap tulang belakang berharga RM5,000.

Ibunya, Low Pei Fen, 46, berkata, anak tunggalnya dikesan mempunyai kedua-dua penyakit itu sejak dilahirkan, namun rawatan untuk sakit tulang belakang ditangguhkan kerana Rui Han masih kecil selain dilahirkan tidak cukup bulan.

Menurutnya, ketika ini keadaan tulang belakang anaknya yang membengkok semakin ketara dan memerlukan bantuan alat sokongan berkenaan supaya keadaan tidak semakin serius sehingga boleh mengganggu pernafasan remaja itu.

"Sebagai ibu, hati saya sedih melihat keadaan anak kerana dia tidak mampu menjalani kehidupan seperti remaja lain tetapi saya menerima takdir keadaan anak, malah gembira rakan dan guru sentiasa membantunya di sekolah.

"Cuma saya mahu anak mendapatkan rawatan tulang belakang supaya ia tidak membengkok lebih serius kerana ia boleh jadi nanti dia susah bernafas," katanya turut memberitahu anaknya sudah memasang *shunt* di kepala pada April 2011 ketika ditemu bual secara maya, di sini, semalam.

Suri rumah itu berkata, dia dan suaminya, Lee How Kwen, 51, yang bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan bulanan sekitar RM2,500 tidak mampu menampung kos rawatan anak kesayangan mereka.

"Suami juga menjaga ibu mentua dan adiknya yang juga orang kurang upaya (OKU). Justeru, kami berharap orang ramai sudi membantu anak kami mendapatkan alat sokongan berkenaan," katanya.

> **"Saya mahu anak mendapatkan rawatan tulang belakang**
> Pei Fen

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.



RUI Han yang menderita penyakit tulang belakang, scoliosis dan hydrocephalus iaitu lebihan cecair dalam kepala sejak lahir bersama ibu bapanya. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 188,102 SURI RUMAH MENCARUM SKSSR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 188,102 suri rumah mencarum SKSSR

**Kuala Lumpur:** Seramai 188,102 suri rumah di seluruh negara mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) setakat 24 September lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, sejak SKSSR dilaksanakan pada Disember 2022, 476 kes diproses Perkeso membabitkan bencana domestik, keilatan dan kematian suri rumah dengan jumlah bayaran faedah RM621,953.

"Angka ini menepis pandangan bahawa pekerjaan sebagai suri rumah ini tidak memerlukan perlindungan.

"Jika dilihat daripada jumlah terbabit, secara puratanya, 47.6 kes diproses setiap bulan atau sekurang-kurangnya satu kes setiap hari," katanya ketika berucap pada Karnival Aspirasi Madani dan Kempen Ayuh Daftar Suri@Perkeso di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak di sini, semalam.

Justeru, beliau menyeru suri rumah untuk mencarum SKSSR demi keselamatan dan kesejahteraan diri, khususnya apabila bayaran bagi caruman itu hanya RM120 setahun bagi mendapatkan perlindungan sewajarnya.

Menurutnya, daripada jumlah 188,102 itu, 3,220 suri rumah adalah pencarum dari Kuala Lumpur.

**3,220 suri rumah adalah pencarum dari Kuala Lumpur**

Dalam perkembangan lain, Mustapha memaklumkan, hasil Dasar Pasaran Buruh Aktif (ALMP) yang dirintis oleh Perkeso merekodkan 448,311 pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan bagi tempoh Januari 2022 hingga 31 Ogos lalu.



DR Wan Azizah (dua dari kanan) melihat proses temu duga pengambilan pekerja oleh syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan pada Majlis Perasmian Karnival Aspirasi Madani dan Kempen Ayuh Daftar Suri@Perkeso di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak, semalam.

Berkaitan Karnival Aspirasi Madani, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, program itu menghimpunkan kira-kira 20 majikan dan menyediakan lebih 3,000 peluang pekerjaan merentasi pelbagai sektor dan bidang.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk menggalakkan majikan supaya menyokong Kementerian Sumber Manusia dalam 'Kempen Ambil Pekerja Lokal'.

"Kempen bermula sejak 4 Jun lalu memberi peluang kepada pekerja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan stabil.

"Semoga karnival ini dapat membantu semua mendapatkan pekerjaan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran dan menyokong kestabilan sosioekonomi negara," katanya.

Karnival yang dirasmikan oleh Dr Wan Azizah itu turut dihadiri Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed. - Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ALHAMDULILLAH DAH JUMPA! | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
am@hmetro.com.my

WANITA, ANAK LELAKI DAN 2 CUCU DILAPOR HILANG KETIKA BERCUTI

# Alhamdulillah dah jumpa!



MANGSA yang dikatakan hilang ketika bercuti di Pulau Perhentian. - Gambar ihsan daripada Facebook keluarga mangsa

**Kluang**

"Alhamdulillah ibu mentua, adik ipar lelaki dan dua anak saya selamat dijumpai," kata pemilik akaun Facebook bernama Ah Pek yang dipercayai waris sebuah keluarga yang dikhuatiri hilang selepas gagal dihubungi sewaktu bercuti di Pulau Perhentian hujung minggu lalu.

Dalam hantaran dimuat naik kira kira jam 3 petang semalam, Ah Pek berkata, dia mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa dan orang ramai sehingga berjaya menjejaki keluarganya itu.

"Terima kasih pada semua rakan, pihak polis dan semua yang terbabit membantu kes ini sehingga selesai.

"Sekarang saya masih dalam perjalanan dari Terengganu menuju pulang ke Kluang untuk tarik laporan (polis).

"Bahawasanya kes sudah selesai. Tanpa bantuan anda siapalah saya. Sekali lagi ucapan ribuan terima kasih bagi semua yang membantu, mendoakan, menyampaikan.

"Semoga Tuhan membalas jasa baik dan niat murni tuan-tuan semua. Alhamdulilah syukur," katanya.

Terdahulu, media melaporkan empat sekeluarga iaitu seorang wanita, anak lelaki dan dua cucunya dikhuatiri hilang kerana gagal dihubungi selepas bercuti di Pulau Perhentian di sini, pada hujung minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Muhammad berkata, wanita itu dikenali sebagai Suraidah Abdul Ghani, 52, dari Kluang, Johor dan ahli keluarga dikesan keluar dari pulau peranginan itu.

Katanya, ahli keluarga tidak dapat menghubungi wanita itu bersama anaknya, Mohamad Aiman Mohd Rafee, 21, serta dua cucunya, Sasa Alesha, 7, dan Ahmad Dhani Mohd Saiful, 4, sejak Sabtu lalu.

Sementara itu, seorang pemilik restoran di daerah ini yakin remaja lelaki yang datang bersama keluarganya untuk menjamu selera kira-kira jam 1 tengah hari semalam adalah individu dilaporkan hilang.

Sulastri Kasiman, 40, berkata, dia yakin kerana remaja lelaki itu satu-satunya pelanggan yang memiliki rambut 'terang' dalam ratusan pelanggannya semalam.

Katanya, remaja berkenaan memakai baju-T berwarna kuning cair dan mempunyai fizikal yang kurus serta tinggi.

"Ketika dia bertanya saya di mana hendak mengambil air minuman saya hanya menunjuk ke arah kaunter air. Pada masa sama hati saya mengatakan 'terangnya' warna rambut adik ini.

"Pada masa sama ada pelanggan lain di hadapan kaunter pembayaran mengambil gambar keluarga itu dari jauh. Saya hairan kenapa mereka berbuat demikian, tetapi berfikir mungkin itu adalah rakan mereka," katanya.

Sulastri berkata, dia hanya menyedari keluarga berkenaan adalah keluarga yang dilaporkan hilang selepas dimaklumkan pelanggannya.

"Mula-mula saya tak pasti, tetapi selepas ditunjukkan gambar dan video keluarga lelaki itu, saya yakin remaja berambut perang itu adalah salah seorang yang dilaporkan hilang itu," katanya.

Dalam pada itu, tular gambar memaparkan sebuah Proton Saga bewarna biru cair bernombor plat JRW 6380 yang diparkir di tepi restoran berkenaan sejak tengah hari semalam.

Turut tular gambar memaparkan seorang wanita, remaja lelaki dan dua kanak-kanak yang sedang menjamu selera di restoran berkenaan.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, tidak menerima laporan berhubung kehilangan itu, namun laporannya sudah dibuat di Terengganu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU PALING RAMAI JADI MANGSA SKIM PENIPUAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Guru paling ramai jadi mangsa skim penipuan

**Johor Bahru:** Guru direkodkan sebagai penjawat awam yang paling ramai menjadi mangsa skim penipuan termasuk jenis penipuan dalam talian seperti Macau Scam, Love Scam dan Parcel Scam di Johor tahun ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, berdasarkan statistik bermula Januari lalu hingga September, sebanyak 117 kes penipuan membabitkan mangsa yang bekerja sebagai guru.

Beliau berkata, nilai kerugian yang direkodkan membabitkan mangsa guru pula lebih RM4.24 juta bagi tempoh berkenaan.

"Siasatan mendapati di Johor ada lebih 50,000 orang guru, jadi mungkin itulah salah satu faktor kerana ramai guru di negeri.

"Sindiket penipuan tidak pilih mangsa tetapi mungkin kerana ramai komuniti guru di sini yang menyebabkan mereka menjadi mangsa.

"Sebab itu kita ambil peluang ini menjemput guru-guru untuk hadir sesi 'town hall' (libat urus) supaya dapat bantu memberi penerangan dan mendidik mereka bagi mengelakkan menjadi mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Program 'Town Hall: Ancaman 'Scammer' Masa Kini di Wisma Bank Simpanan Nasional (BSN) di sini, semalam.

Seramai 250 orang guru dari seluruh negeri ini hadir pada majlis berkenaan.

Menurut Kamarul Zaman, bagi sembilan bulan pertama tahun ini, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kontinjen Johor menerima 388 laporan kes penipuan membabitkan penjawat awam.

Katanya, jumlah itu dilihat meningkat berbanding 322 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Nilai kerugian yang dicatatkan pula adalah sebanyak lebih RM10.02 juta setakat ini," katanya.




KAMARUL Zaman menyempurnakan Program 'Town Hall: Ancaman 'Scammer' Masa Kini di Wisma Bank Simpanan Nasional (BSN). - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JASAD KAKAK DITEMUI TERAPUNG | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jasad kakak ditemui terapung

**Keningau:** Seorang daripada dua beradik yang dilaporkan hilang di Sungai Pegalan berhampiran Kampung Lingkudau di sini, kelmarin ditemukan lemas, semalam.

Mayat, Azila Jabar, 12, ditemukan jam 11.36 pagi oleh pasukan bomba dan penduduk kampung manakala adiknya masih belum ditemui.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Keningau, Sharudy Delamin berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) hari kedua dimulakan jam 6.34 pagi.

**Operasi SAR dilakukan dengan teknik menyusuri tebing sungai berjalan kaki**

Katanya, operasi SAR dijalankan di kawasan dengan jarak 2.5 kilometer dari lokasi mangsa dipercayai tenggelam dengan menggunakan sebuah bot.

"Selain itu, operasi SAR dilakukan dengan teknik menyusuri tebing sungai berjalan kaki oleh pasukan mencari.

"Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan operasi pencarian dengan melakukan selaman," katanya ketika dihubungi semalam.



ANGGOTA bomba membawa mayat Azila yang ditemui kira-kira 1.7 kilometer dari lokasi kejadian.

Menurutnya, mangsa berjaya ditemui oleh pasukan mencari selepas kelihatan terapung di permukaan sungai.

"Mangsa ditemui dalam keadaan terapung kira-kira 1.7 kilometer dari lokasi kejadian dan 500 meter dari pusat kawalan tempat kejadian (PKTK).

"Mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Sharudy berkata, operasi SAR mencari mangsa kedua diteruskan dan maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang kelmarin, Azila dan adiknya, Arlina, 9, dipercayai bermain berhampiran tebing sungai sebelum Arlina terjatuh ke dalam sungai.

Azila kemudian terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan adiknya namun kedua-duanya hilang di dalam air.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SISTERS RESCUED IN SUSPECTED ABUSE CASE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sisters rescued in suspected abuse case

**MUAR:** Two sisters, aged five and six, were rescued after allegations of abuse by their mother and her boyfriend in a house on Meriam Street here, at the end of last month.

Muar district police chief Assistant Commissioner Raiz Mukhliz Azman Aziz said the incident occurred between Sept 16 and 26, and was allegedly perpetrated by their 36-year-old mother and her 38-year-old boyfriend.



*Muar district police chief Assistant Commissioner Raiz Mukhliz Azman Aziz*

He said the incident came to light when the sisters' biological father filed a report at the Muar district police headquarters (IPD).

"A team of officers from the Criminal Investigation Division of the Muar IPD arrested the couple on Sept 29.

"The male suspect is a local, while the mother of the victims is not a citizen. The female suspect no longer lived with her husband, but instead was living with the male suspect."

Raiz said an examination of the siblings revealed bruises and marks believed to have been caused by a cane. The incident is believed to have occurred at their mother's house.

He said the siblings were taken to Sultanah Fatimah Muar Specialist Hospital.

"Both suspects have been remanded until Friday."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEACHERS TOP LIST OF SCAM VICTIMS IN JOHOR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# TEACHERS TOP LIST OF SCAM VICTIMS IN JOHOR

Police statistics reveal 117 of them lost RM4.24 million in total between January and September

JASSMINE SHADIQE
**JOHOR BARU**
news@nst.com.my

TEACHERS in Johor emerged as the primary targets of scammers, with 117 of them falling victim to losses amounting to RM4.24 million between January and September this year, based on police statistics.

Johor police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat said there were over 50,000 teachers based in the state, and that their substantial presence was a factor for their high vulnerability as victims.

"Fraud syndicates and scammers do not discriminate in selecting their victims, but the sizable teacher community in Johor appears to make them a prime target.

"Given this situation, we have extended an invitation to teachers to participate in this town hall session to provide them with information and knowledge to avoid falling prey to scams," he said during the session addressing the current threats posed by scammers, held at Wisma Bank Simpanan Nasional, here, yesterday.



*Johor police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat*

About 250 teachers based in the state attended the town hall session.

During the first nine months of this year, Johor police's Commercial Crime Investigation Department recorded 388 fraud cases involving government servants, compared with 322 cases reported during the same period last year.

Kamarul Zaman said the 388 cases involved losses amounting to RM10.02 million.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN NEEDS RM5,000 FOR SPINAL SUPPORT BRACE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Teen needs RM5,000 for spinal support brace

**KUALA LUMPUR:** At the age of 13, when her schoolmates are leading an active life, Lee Rui Han can only sit and watch.

Born with idiopathic scoliosis, Lee, whose spine curvature is so severe, is wheelchair-bound.

She was also diagnosed with hydrocephalus, a neurological disorder caused by an abnormal build-up of cerebrospinal fluid in the ventricles in the brain. Her conditions have left her with speech difficulties.

Her mother Low Pei Fen, 46, said she and her husband Lee How Han were worried about Lee's condition.

"My daughter's curved spine has worsened each day and is now at 56 degrees. I fear that if no immediate action is taken, she may develop breathing difficulties later."

Low said Lee's premature birth was the likely cause of her condition.

"She weighed only 1.7kg when she was born. Scoliosis was detected through x-ray but since she was underweight, doctors could not operate (to correct her spine).

"Now she needs a wheelchair to move around and has enrolled in an Integrated Special Education programme in SMK Serendah."

Because of the deterioration of scoliosis, Lee requires a boston brace to support her spine and prevent it from curving further.

However, in a household of five people, including Low's mother-in-law and a special needs family member, the estimated cost of RM5,000 for the brace is something they can ill afford.

"My husband earns less than RM2,300 a month as a lorry driver and I am a housewife. We cannot afford the cost (of the brace).

"I want my daughter to grow up like any other child but it breaks my heart to see her wheelchair-bound. I often cry silently.

"But I don't cry in front of her, I always remind myself to be strong and happy for her because she needs every bit of support to continue her life."

Low said she hoped her only child's condition would improve, allowing her to lead a comfortable life.

Those who wish to help can send a cheque with the patient's name written on the back to the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund. All contributions to this fund are eligible for tax exemption.

Donations can be addressed to the Corporate Communications Department of Media Prima Group Berhad, Level Five, Anjung Riong, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

For online banking, one can contribute via Bank Muamalat account number 1401 0008 842718 or Maybank account number 5141 0532 3170 and state the patient's name in the recipient reference section.



*Lee Rui Han, seen here with her parents Low Pei Fen and Lee How Han, needs a boston brace to support her spine and prevent it from curving further.* PIC BY AMIRIDIN SAHIB.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FAMILY OF KILLED TEEN TO FILE CIVIL SUIT AGAINST HOSPITAL, COPS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Family of killed teen to file civil suit against hospital, cops

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: After five men were acquitted of the charge of killing teenager T. Nhaveen six years ago, the family of the deceased announced plans to file a civil suit against the police and Penang Hospital on grounds that they did not present the necessary evidence during the trial.

Speaking on behalf of the family, Nhaveen Action Investigation League (NAIL) chairman Arun Doraisamy said the family was ready to file a civil suit against those authorities.

"The world deserves to know what exactly happened to Nhaveen," he said yesterday.

Earlier, the five men escaped the gallows when they were acquitted of murdering Nhaveen in 2017.

S. Gopinath, 32, and four others who were juveniles when they were charged and are now aged 24, were immediately released after High Court judge Radzi Hamid held that the prosecution had failed to prove there was a prima facie against all the accused.

Radzi, when reading his decision, said the key prosecution witness was found to be not credible.

"The court finds that the facts and evidence presented for the murder charge were unclear and did not prove that the five accused had intentions to kill the victim," he said, adding that there were contradictions in the testimonies of other witnesses.

He said that since the testimony of the key witness, who is now 25, was found to be unreliable and entirely rejected, his testimony on the assault case could not be accepted either.

Arun said Nhaveen's family accepted Radzi's decision and stressed that the judge had done a thorough job.

He, instead, highlighted weaknesses in the prosecution's case in terms of the evidence presented before the court.

He said the prosecution was at liberty to file an appeal, while Nhaveen's family would pursue a civil suit against the authorities.

On June 19, 2017, the five accused were brought to court on charges of killing 18-year-old Nhaveen.

They were charged under Section 302 of the Penal Code, read together with Section 34 of the code.

All of the accused were also charged under Section 326 of the Penal Code for causing grievous bodily harm to the victim.

It was reported that Nhaveen had been beaten up by purportedly five people while buying burgers in Jalan Kaki Bukit, Bukit Gelugor, at night.

Nhaveen's friend, who was there with him, escaped. Nhaveen was later found unconscious in a field with serious injuries including burns on his back and signs that a blunt object had been shoved into his anus.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SOCSO EYES 500K SIGN-UPS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Socso eyes 500k sign-ups

## More housewives expected to register for scheme by year-end

**KUALA LUMPUR:** Over half a million housewives are expected to register for the Housewives Social Security Scheme (SKSSR) by the end of this year, says the Social Security Organisation (Socso).

To achieve this, more online advertisements and awareness campaigns will run from Oct 1 to Dec 31 as part of the newly-launched Ayuh Daftar Suri @ Perkeso campaign.

The latest campaign was launched by Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, who is noted for mooting the i-Suri Homemakers' Pension scheme under the Employees Provision Fund in 2018 to recognise the contributions of housewives in national development when she was the deputy prime minister.

Yesterday, Dr Wan Azizah, who is also the Prime Minister's wife, said the renewed push was to ensure social justice and welfare for women.

"Women aged from 15 to 64 represent 49.33% of the total Malaysian population and they make up a huge part of our national gross domestic product.

"Housewives, in particular, through unpaid work by managing family affairs in the care economy, contribute heavily to our economy, even if it usually goes unrecognised. As such, it is vital that all of them are aware of the importance of SKSSR and its role in protecting them," she told the press at the Karnival Aspirasi Madani opening ceremony.

Dr Wan Azizah added that the new awareness campaign would utilise all available platforms across various related ministries to further promote the scheme to the public.

Socso chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed reiterated the need to ensure protection for housewives against the various dangers they may face daily.

"Housewives face a lot of risk of injury and illness in their day-to-day routine, just like a normal job, be it through accidents at home or when they go out to buy groceries. By opting to sign up for SKSSR, housewives will be able to live much safer and more stable lives regardless of the challenges they may face," he said.

SKSSR was previously implemented on Dec 1, 2022, with the goal of providing social security protection to housewives against domestic injuries, illnesses or invalidity while managing their households.

The scheme requires a contribution of only RM120 a year, which can be made either by the housewife herself or her husband, family members or any other third party.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GOOD RESPONSE TO SOCSO SCHEME | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Good response to Socso scheme

**KUALA LUMPUR:** A total of 188,102 housewives nationwide have contributed to the Social Security Organisation (Socso) Housewives' Social Security Scheme as of Sept 24.

Human Resources Deputy Minister Mustapha Sakmud said since the scheme was introduced in December 2022, a total of 476 cases have been processed by Socso involving domestic problems, disability and death, with total benefit payments of RM621,953.

"This figure dismisses the view that housewives do not need protection coverage. From the number, on average of 47.6 cases are processed every month, or at least one case every day," he said at the Madani Aspiration Carnival and Ayuh Daftar Suri@Perkeso campaign in Bandar Tun Razak yesterday.

He called on housewives to contribute to the scheme for their safety and well-being, with a subscription of only RM120 per year.

According to him, of the total of 188,102 contributors, 3,220 were in Kuala Lumpur.

On another matter, Mustapha said the Active Labour Market Policy pioneered by Socso recorded 448,311 jobseekers who were able to be employed for the period January to Aug 31 last year. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN DENIES OUTRAGING MODESTY OF FEMALE COLLEAGUE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 04 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man denies outraging modesty of female colleague

**PETALING JAYA:** An assistant executive manager of a hotel pleaded not guilty in the Magistrate's Court yesterday to a charge of outraging the modesty of a female colleague, who is a former newsreader of a private television station.

Mohd Faizal Hussain, 53, was charged with using criminal force against the 54-year-old woman with intent to outrage her modesty at a hotel in Damansara at 1pm on July 13.

The charge, framed under Section 354 of the Penal Code, carries imprisonment of up to 10 years, a fine, whipping or any two of the punishments.

Magistrate Zhafran Rahim Hamzah allowed Mohd Faizal, represented by Nur Afiqah Mohd Ashriee, bail of RM4,000 in one surety and also ordered him not to intimidate the woman and witnesses in the case.

The court then set Nov 20 for mention. – Bernama